



TEKS UCAPAN

**Yang Berhormat
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Di Majlis Pelancaran Program Cintai Al-Quran 2019,
Anjuran Biro Keagamaan,
Majlis Perundingan Kampong,
RPN Kampong Panchor Mengkubau**

**Pada Hari Jumaat, 20 Sya'ban 1440
Bersamaan 26 April 2019**

Jam 8.00 Pagi

**Bertempat Di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Azemah
Nikmatul Bolkiah, Kampong Mentiri**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالْمِيَانِ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat

Pg. Hj Mohamed bin Pg. Haji Osman

Ahli Majlis Mesyuarat, Ketua Kampong Masjid Lama, Pekan Muara, Kg. Sabun,
Pelumpong dan Pemangku Ketua Kg. Serasa.

Yang Mulia

Awg. Hj Shamsol bin Hj Omar, Pemangku Pengarah Jabatan Pengajian Islam.

Yang Mulia

Awg. Misle bin Hj Abd Karim, Pegawai Daerah Brunei Dan Muara.

Yang Mulia

Pg. Hj Ismail bin Pg. Hj Ibrahim, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri.

Yang Mulia

Awg. Mohammad Hilmy bin Haji Ahmad

Pemangku Ketua Kampong dan Pengerusi Majlis Perundingan Kampong
Rancang Perumahan Negara Kg. Panchor

Yang Mulia

Dk. Rafidah binti Pg. Hj Metahir, Guru Besar Sekolah Ugama Pengiran Anak
Puteri Azemah Nikmatul Bolkiah

Yang Mulia

Pg. Hazlyn bin Pg. Hashim, Ketua Biro Keagamaan

Majlis Perundangan Kampong Rancangan Perumahan Negara

Kg. Panchor Mengkubau

Yang Mulia

Ustazah Dk. Safwana binti Pg. Roslan.

Pegawai Kanan Pendidikan Al-Huffaz Management

Yang Mulia

Pegawai-pegawai kerajaan, Ketua-ketua Biro, Ahli Jawatankuasa, Guru-guru, Ibu Bapa dan Penjaga, dan hadirin hadirat sekalian.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

1. Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua maka dapatlah kita bersama-sama berkumpul dan hadir di Majlis Perasmian Program Cintai Al-Quran.
2. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Biro Keagamaan, Majlis Perundingan Kampong atas inisiatif Program Cintai Al-Quran ini yang mempunyai makna yang mendalam khusus kepada penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampong Panchor.
3. Penghargaan dan tahniah tidak lupa juga saya tujukan kepada ibubapa dan penjaga pelajar-pelajar yang terdiri daripada anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim yang mengambil peluang ini sebagai langkah awal mereka untuk berjinak-jinak dengan al-Quran dan Iqra'.

Hadith Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

لَا تَحْمِلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفُرُ مِنَ الْبَيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

Maksudnya: "Janganalah jadikan rumah kalian seperti kuburan kerana syaitan itu lari dari rumah yang didalamnya dibacakan surat Al-Baqarah." (Hadith riwayat Imam Muslim)

Hadith lain, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

عَيْنِكَ بِتَلَاقِ الْقُرْآنِ، وَذِكْرُ اللَّهِ، فَإِنَّهُ نُورٌ لَكَ فِي الْأَرْضِ، وَذُخْرٌ لَكَ فِي السَّمَاءِ

Maksudnya : "Kamu wajib melazimkan dirimu membaca al-Quran kerana ia adalah cahaya untuk kamu di bumi dan perbendaharaan untuk di langit". (Hadith riwayat Ibnu Hibban)

Program ini sangat bertepatan, jika kita pandai membaca al-Quran dengan baik, bukan saja memudahkan diri kita dapat beramal dengan sempurna, malah kita selaku ibubapa boleh pula menyumbang khidmat untuk generasi kita yang perlu dibimbing.

Sesungguhnya anak yang saleh adalah sinar cahaya dan kebahagiaan ibu bapa di dunia dan di akhirat. Justeru itu, anak-anak menuntut tanggungjawab ibubapa untuk melaksanakan tugas dalam mendidik dan membentuk mereka dengan sesempurnanya terutama dalam memberikan didikan agama, selain juga banyak mengharapkan persekolahan ugama yang membimbangi anak-anak kita.

4. Oleh itu Program Cintai Al-Quran ini adalah satu program yang indah dan mulia, program yang julong-julong kali ini diadakan sebagai memupuk kesedaran kepada diri kita bukan saja dikalangan kanak-kanak malahan penuh bermakna lagi kepada kita untuk menyedari dan beramal tanpa had umur kita. Program ini sangat menarik perhatian saya, walaupun saya tahu kerja yang sebegini sukar dicapai kalau tidak ada sokongan dari kesemua pihak.
5. Saya difahamkan sekita 60 pelajar-pelajar yang telah bersama-sama menjayakan program yang indah ini. Ia adalah sebagai platform diri mereka iaitu anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim untuk bergerak kehadapan menimba ilmu dan mendalami lagi Al-Quran sebagai teman hidup mereka. Ambillah peluang keemasan ini dengan sepenuh-penuhnya.
6. Sehubungan itu, saya yakin program ini tidak akan berakhir disini saja. Saya percaya susulan dari program ini akan dapat diteruskan dari masa kesemasa.
7. Pada masa yang sama, kepada ibubapa dan penjaga, berilah sokongan secara berterusan kepada anak-anak biskita demi kejayaan dimasa akan datang. Sokongan dan dokongan berterusan ini amatlah mustahak demi masa depan anak-anak biskita. Semoga usaha sebegini akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu wa Ta'ala.
8. Bagi mengakhiri, dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, selawat serta salam keatas junjungan kita Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam dan dengan kalimat agung:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

saya dengan sukacitanya merasmikan dengan Program Cintai Al-Quran.

9. Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالهُدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
19hb Sya'ban 1440/ 25hb April 2019.